

Kutipan derma bagi bantu pelarian Dili

Berita
7 July '06

HANYA lebih sebulan berlalu selepas rusuhan di pusat bandar Timor Leste.

Kota Dili telah dilanda huru-hara, memaksa penduduknya bertempiran lari untuk menyelamatkan diri.

Antara yang paling terjejas adalah para wanita dan kanak-kanak.

Untuk meringankan beban mereka, Milk (Saya Sayang Kanak-Kanak), satu badan bantuan setempat, telah melancarkan pungutan derma dari 3 hingga 26 Julai ini.

Milk akan bekerjasama dengan badan bantuan Timor Leste, Aloa Foundation, untuk mengendalikan bantuan itu.

Pungutan derma yang disokong syarikat swasta seperti Singapore Petroleum Company Ltd (SPC), SMRT Corporation (SMRT), Delifrance Singapore dan MediaCorp Radio, diharap dapat mencapai matlamat \$1 juta.

Rusuhan itu telah menjejaskan lebih 140,000 warga Timor Leste yang terpaksa melarikan diri ke kem-kem pelarian dan kini masih takut untuk kembali ke tempat kediaman mereka.

Tanpa keperluan seharian yang sempurna, penduduk Dili yang tinggal di kem-kem pelarian itu menghadapi prospek yang muram setiap hari.

Mereka terpaksa menghadapi trauma pengalaman ngeri akibat rusuhan itu serta bekalan makanan dan tempat berteduh yang serba kekurangan.

"Sumbangan akan disalurkan kepada keperluan segera bagi mereka yang memerlukan," kata Naib Presiden Milk Fund, Encik Stanley Tan.

Naib Presiden Kanan dan Ketua Pegawai Kewangan SPC, Encik Lee Chiang Huat, berkata:

"SPC berkongsi matlamat bersama program bantuan Milk dan berasa senang hati untuk membantu dengan meletakkan tin derma di kesemua stesen perkhidmatan kami."

SMRT dan Delifrance masing-masing juga akan meletakkan tin derma di kesemua stesen MRT dan cawangan Delifrance.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Milk di talian 6222-4123 atau susuri laman web www.milk.org.sg.